



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

#### **RUMAWIP RESIDENSI RAZAKMAS MULA DIDIAMI BERMULA HARI INI SECARA BERPERINGKAT**

**KUALA LUMPUR, 14 April 2018** – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyerahkan kunci kepada 427 pembeli RUMAWIP Residensi Razakmas.

RUMAWIP Razakmas ini dijual pada harga RM198,000 seunit dengan keluasan 800 kaki persegi yang mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air dan satu petak tempat letak kereta berbumbung. Daripada jumlah tersebut, 100 unit kediaman ditawarkan pada harga RM150,000 kepada warga kerja kumpulan sokongan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Projek ini disiapkan 16 bulan lebih awal di atas tanah berkeluasan 4.04 ekar dengan satu blok berketinggian 41 tingkat. Kawasan kediaman yang selesa, mudah dan seni bina yang menarik serta kelengkapan fasiliti yang disediakan di projek ini pastinya memberi keuntungan kepada para pembelli. Perumahan ini yang berhampiran dengan lebuh raya timur-barat memudahkan kepada para pembeli dari aspek jaringan jalan raya dan pengangkutan. Selain itu, residensi ini turut disediakan dengan bangunan TASKA, taman permainan kanak-kanak, dewan serbaguna, kedai serbanika serta kawalan keselamatan 24 jam.

Bagi suku pertama tahun 2018, tiga projek RUMAWIP dan satu projek PPA1M telah siap sepenuhnya. Sehingga kini pihak kerajaan telah berjaya menyiapkan 17 projek RUMAWIP yang telah sedia untuk diduduki dan diserahkan kepada para pembeli.

Pembinaan RUMAWIP di dalam kawasan bandaraya pada harga yang sangat berpatutan menunjukkan kesungguhan dan keprihatinan kerajaan dalam memastikan kebajikan penduduk di Wilayah Persekutuan sentiasa dijaga. Diharapkan agar seluruh warga Wilayah Persekutuan sentiasa bersama-sama kerajaan dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan agar seiring dengan pembangunan negara pada hari ini. "Hebatkan Negaraku".

**Disediakan Oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**